

## **Panduan Jimat Wang Untuk Pelajar Kolej Di Malaysia**



ISSN 2180-3684



9 772180 368003



GABUNGAN  
PERSATUAN-PERSATUAN  
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Sidang Redaksi

## Penasihat

Datuk Dr. Marimuthu Nadason  
Presiden FOMCA

## Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

## Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

## Sidang Pengarang

Siti Rahayu binti Zakaria

Nurul Husna Mohd Yusof

*Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my) dan [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)*

## Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 4, Jalan 1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7876 2009

Faks : 03-7877 1076

E-mel : [fomca@fomca.org.my](mailto:fomca@fomca.org.my)

Sesawang: [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

## Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 03-2698 8044

Faks : 03-2174 1515

*Diurus terbit oleh:*

## Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 4, Jalan 1/22A

47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7875 2392

Faks : 03-7875 5468

E-mel : [info@crcc.org.my](mailto:info@crcc.org.my)

Sesawang: [www.crcc.org.my](http://www.crcc.org.my)

*Dicetak oleh:*

فرچیتیکن اساس جای (ملیسیا) سندیرین برحد  
Percetakan Asas Jaya

(M) Sdn Bhd

No. 5, Jalan Pipit 2

Bandar Puchong Jaya

47100 Puchong Jaya

Selangor Darul Ehsan

*Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*



## Panduan Jimat Wang Untuk Pelajar Kolej Di Malaysia

Di Malaysia, seperti juga di negara lain, pendidikan masih menjadi salah satu aspek yang terpenting dalam kehidupan. Apabila diberi peluang untuk belajar, pelajar Malaysia perlu mengambil peluang yang diberikan tanpa menolaknya. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh masalah kewangan, ramai pelajar didapati sukar untuk memberi tumpuan kepada pembelajaran apabila keperluan asas tidak dipenuhi. Berikut adalah beberapa tip yang boleh dipraktikkan oleh pelajar-pelajar, terutama kepada mereka yang mempunyai kewangan yang terhad.

### Berkongsi segalanya dengan rakan sebaya anda

Jika anda mempunyai rakan yang ramai, ia akan menjadi sesuatu yang ideal jika anda semua saling bantu-membantu dari segi kewangan dengan berkongsi beban kewangan bersama. Contohnya, makanan secara berkongsi atau berkumpul akan menjadi lebih murah daripada membeli makanan secara individu.

Berkongsi kenderaan atau kereta - lebih ramai rakan anda berkongsi kenderaan lebih bagus, ia juga dapat membantu mengurangkan kos



pengangkutan dan petrol. Berkongsi buku, peralatan, dan lain-lain juga dapat menjimatkan kos. Pilih rakan sebilik yang boleh membantu menyimpan segala keperluan. Selagi setiap ahli kumpulan sama-sama menyumbang, maka semua orang akan sama-sama mendapat faedah.

## Memaksimumkan sumber-sumber dan aktiviti-aktiviti universiti

Walaupun tidak semua sekolah/kolej mempunyai kemudahan dan faedah yang sama, kebanyakan universiti menyediakan kemudahan kepada pelajar



*“Walaupun tidak semua kolej mempunyai kemudahan dan faedah yang sama, kebanyakan universiti menyediakan kemudahan kepada pelajar untuk kegunaan pembelajaran mereka.”*

untuk kegunaan pembelajaran mereka. Hal ini dapat menjimatkan wang mereka. Salah satu contoh yang baik adalah kemudahan sambungan internet secara percuma, ia dapat membantu seseorang pelajar dalam menyediakan tugas penyelidikan. Manakala pelajar yang mempunyai sambungan internet peribadi sendiri mungkin memerlukan sebahagian besar daripada bajet bulanan pelajar.

## Tahan tarikan daripada berkunjung ke kedai-kedai kopi

Ramai pelajar yang menjadikan kedai kopi sebagai tempat untuk belajar atau mendapatkan kesegaran selepas penat belajar. Walaupun ia kelihatan menarik dan bergaya, namun harga minuman di kedai-kedai kopi yang ternama mungkin di luar kemampuan anda. Anda boleh memilih untuk menghabiskan masa di tempat-tempat yang jauh lebih tenang dan damai daripada kebisingan bandar. Anda juga boleh memilih lokasi yang sesuai di dalam kampus atau berada di bilik asrama anda untuk lebih selesa.

## Berhati-hati dengan kad kredit

Melengkapkan pelajar dengan kemudahan kad kredit boleh memberikan kesan yang positif dan negatif. Walaupun kad kredit boleh memberi manfaat untuk menguruskan kewangan pelajar dan menyediakan pelajar dengan dana kecemasan, namun perlu diingat bahawa apabila menggunakan kad kredit, tahap risiko kewangan tetap ada. Sebagai ibu bapa, sebelum anda mendaftarkan kad kredit untuk kemudahan pembelajaran anak anda, pastikan anda membuat kajian, buat perbandingan antara laman sesawang supaya kemudahan kad kredit tersebut boleh digunakan dengan betul.

Kehidupan di kolej adalah masa yang penting untuk membentuk keperibadian seseorang. Kualiti kehidupan yang dilalui pada masa ini akan menentukan kehidupan sebenar apabila memasuki dunia pekerjaan. Oleh itu, jangan biarkan kewangan peribadi diuruskan secara negatif, kerana ia akan menjejaskan masa hadapan yang sepatutnya cerah bagi seorang pelajar.

*Sumber: Terjemahan daripada Compare Hero*



# Adakah Anda Mangsa Penipuan Pelaburan Seterusnya?

Adakah anda mudah terpedaya dengan penipuan dalam pelaburan? Jawab soalan kuiz ini untuk menguji diri anda.

1. Anda sentiasa mengaitkan pelaburan dengan:
  - a. Keuntungan 100%
  - b. Pulangan terjamin tanpa risiko
  - c. Wang anda berganda dalam masa singkat!
  - d. Tiada satu pun di atas.
2. Yang mana antara kenyataan di bawah BENAR-BENAR menggambarkan falsafah pelaburan anda?
  - a. Saya hanya akan melabur dalam pelaburan yang memberikan pulangan tinggi tanpa risiko.
  - b. Saya akan melabur dalam pelaburan yang bersesuaian dengan daya toleransi saya terhadap risiko.
  - c. Saya akan melabur dalam pelaburan yang boleh menggandakan wang saya dalam masa singkat.
  - d. Saya akan melabur dalam pelaburan yang dicadangkan oleh rakan-rakan rapat saya.
3. Anda ditawarkan kerja sebagai eksekutif dagangan di sebuah firma pembrokeran komoditi asing. Jawatan itu memerlukan anda mendapatkan sebanyak nama pelanggan yang boleh untuk berdagang dalam kontrak niaga hadapan kacang merah di Macau. Anda diberitahu bahawa pelaburan itu menghasilkan pulangan tinggi dalam tempoh masa singkat. Pelanggan anda perlu memasukkan wang sebanyak AS\$3,000 sebagai deposit margin di syarikat anda. Komisen anda adalah berdasarkan jumlah wang yang didepositkan oleh pelanggan anda di syarikat itu. Apakah tindakan anda selanjutnya?
  - a. Mula mencari kawan dan ahli keluarga untuk dijadikan pelanggan.
  - b. Anda dengan segera menghubungi pihak pengawal selia untuk memastikan sama ada syarikat itu mempunyai lesen untuk berdagang dalam niaga hadapan kacang merah di Macau.
  - c. Anda sendiri melabur dalam kontrak niaga hadapan kacang merah itu untuk mencuba nasib.
  - d. Cuba mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai pelaburan itu daripada kawan-kawan anda yang juga bekerja di syarikat itu.
4. Bagaimana anda hendak mengesahkan sama ada seseorang ejen unit amanah itu mendapat kebenaran untuk mempromosi/menjual unit amanah?
  - a. Minta kad perniagaannya.
  - b. Minta kad kebenaran yang dikeluarkan oleh Persekutuan Pengurus-Pengurus Amanah Saham Malaysia.
  - c. Tidak perlu disahkan kerana sesiapa sahaja boleh mempromosikan atau menjual produk unit amanah.
  - d. Periksa surat kebenaran daripada syarikat unit amanah berkenaan.
5. Ejen unit amanah meminta anda memberikan wang tunai supaya dia boleh membeli unit amanah bagi pihak anda, Apakah yang anda lakukan?
  - a. Memberikan wang kepadanya.
  - b. Memberikan wang kepada ejen itu dan meminta dia memberikan anda resit dengan segera.
  - c. Menyerahkan cek yang tertulis namanya.
  - d. Enggan memberi wang tunai.
6. Jika anda mahu memeriksa status lesen syarikat broker saham, yang mana antara laman sesawang berikut menjadi sumber maklumat yang anda perlukan?
  - a. [www.thestockbroker.com.my](http://www.thestockbroker.com.my)

- b. [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my)
- c. [www.licensedcompany.com.my](http://www.licensedcompany.com.my)
- d. [www.licensedbrokers.com.my](http://www.licensedbrokers.com.my)

7. Seorang rakan rapat memujuk anda melabur dalam satu skim pelaburan luar pesisir yang eksklusif, yang menjamin pulangan 200% dan bebas cukai. Apakah yang akan anda lakukan?
- a. Bersetuju membuat pelaburan itu kerana anda percaya penuh kepada rakan anda itu.
  - b. Minta bahan-bahan bertulis mengenai pelaburan itu dan melabur setelah anda membacanya.
  - c. Periksa dengan pengawal selia untuk memastikan sama ada mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai skim pelaburan tersebut.
  - d. Bersetuju melabur hanya jika rakan anda boleh menunjukkan iklan atau berita mengenai skim pelaburan itu di media atau di internet.
8. Untuk melindungi diri anda daripada penipuan pelaburan, mana antara langkah-langkah berikut yang akan anda ambil?
- a. Baca dan fahami prospektus pelaburan dan laporan tahunan.
  - b. Dapatkan nasihat daripada professional kewangan berlesen.
  - c. Bersikap was was dan bertanya banyak soalan mengenai pelaburan itu.
  - d. Semua di atas.
9. Anda akan melabur dalam sesuatu skim pelaburan jika:
- a. Bahan-bahan promosi dan laman sesawang syarikat itu kelihatan profesional dan meyakinkan.
  - b. Pejabat syarikat terletak di kawasan yang berprestij dan nama syarikat yang rasmi bunyinya.
  - c. Kakitangan syarikat berpakaian mahal dan bergaya dan memandu kereta mewah.
  - d. Tiada satu pun di atas.
10. Jika anda menjadi mangsa penipuan pelaburan, apa yang anda lakukan?
- a. Diamkan sahaja.
  - b. Salahkah nasib anda yang malang.
  - c. Buat laporan/aduan dengan pihak berkuasa yang berkaitan dengan segera.
  - d. Bayar orang yang tidak dikenali, yang memberi jaminan bahawa dia boleh mendapatkan semula sepenuhnya jumlah wang yang anda kerugian itu.

**Setelah selesai menjawab soalan kuiz ini, sila lihat huraian jawapan dibawah:-**

### Jawapan:

1. **(d)** Jika anda mengaitkan pelaburan dengan keuntungan 100%, pulangan terjamin dan menggandakan wang anda, maka anda lebih mudah terpedaya dengan penipuan pelaburan. Kebanyakan penipuan dalam pelaburan menjanjikan pulangan tinggi tanpa membabitkan risiko untuk menarik orang ramai melabur.
2. **(b)** Pilihan pelaburan anda mestilah menyamai ketahanan anda terhadap risiko. Jika anda seorang yang tidak bersedia menghadapi risiko, pastikan anda melabur dalam skim pelaburan yang berisiko rendah. Bagi mengetahui risiko setiap produk pelaburan, hubungi remisier anda atau profesional kewangan berlesen.
3. **(b)** Sentiasa membuat pemeriksaan dengan pengawal selia, misalnya Suruhanjaya Sekuriti atau Bank Negara, untuk mengesahkan sama ada syarikat berkenaan telah diberikan lesen dan dibenarkan untuk menawarkan atau memasarkan produk pelaburan kepada orang ramai.
4. **(b)** Persekutuan Pengurus-pengurus Amanah Saham (FMUTM) bertanggungjawab bagi mendaftarkan semua individu yang hendak memasarkan dan mengedarkan unit amanah. Apabila berurusan dengan ejen ini, anda harus meminta 'Kad Kuasa' yang dikeluarkan oleh FMUTM. Bagi maklumat lanjut tentang ejen, layari laman sesawang FMUTM di [www.fmutm.com.my](http://www.fmutm.com.my)
5. **(d)** Jangan memberi wang tunai kepada ejen unit amanah. Sentiasa keluarkan cek kepada pemegang amanah atau individu yang diberikan kuasa seperti yang terdapat dalam prospektus. Itulah sebabnya anda perlu membaca prospektus sebelum melabur.
6. **(b)** Untuk semakan segera sama ada sesebuah syarikat itu mempunyai lesen atau diberikan kuasa untuk menjalankan atau menawarkan aktiviti pelaburan, layari laman sesawang Suruhanjaya Sekuriti di [www.sc.com.my](http://www.sc.com.my) atau hubungi Jabatan Pelesenan Suruhanjaya di nombor 03-6204 8000.
7. **(c)** Waspada terhadap syarikat pelaburan yang menawarkan pelaburan dengan kadar pulangan yang tinggi dan beroperasi di lokasi luar pesisir seperti Kepulauan Bahamas, Macau, British Virgin Island atau sebarang lokasi luar pesisir yang

... ke muka 6

# Mesin Deposit Duit Syiling bagi Memudahkan Proses Mendepositkan Duit Syiling



Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa Mesin Deposit Duit Syiling kini terdapat di seluruh negara bagi memudahkan proses mendepositkan duit syiling oleh perniagaan dan orang ramai. Sebanyak 236 buah Mesin Deposit Duit Syiling telah ditempatkan di institusi kewangan yang mengambil bahagian, pasar raya besar dan cawangan-cawangan Tabung Haji.

Setiap tahun sejumlah besar duit syiling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia tidak dikembalikan untuk edaran semula. Sehubungan dengan itu, orang ramai digalakkan untuk mengembalikan duit syiling mereka, dan pada masa yang sama, boleh memperoleh manfaat daripada pertambahan simpanan. Mesin Deposit Duit Syiling merupakan mesin duit syiling layan diri berautomasi yang membolehkan pelanggan institusi kewangan yang mengambil bahagian dan Tabung Haji mendepositkan duit syiling mereka tanpa dikenakan sebarang caj.

Mesin Deposit Duit Syiling di institusi kewangan yang mengambil bahagian akan mengkreditkan akaun pendeposit pada hari yang sama untuk duit syiling

yang didepositkan sebelum pukul 4 petang, manakala pada keesokan harinya bagi duit syiling yang didepositkan selepas pukul 4 petang. Bagi Mesin Deposit Duit Syiling yang

ditempatkan di pasar raya besar yang mengambil bahagian, pelanggan akan menerima baucar membeli-belah yang sama nilainya dengan jumlah duit syiling yang didepositkan. Pelanggan boleh menggunakan baucar ini untuk membayar barangan yang dibeli di kedai-kedai yang mengambil bahagian.

Untuk maklumat lanjut mengenai tempat-tempat yang terdapat Mesin Deposit Duit Syiling, sila lawati laman sesawang Bank Negara Malaysia di [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my) atau hubungi institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk butiran lanjut.

*Sumber: Bank Negara Malaysia*

*dari muka 5...*

eksotik. Penipu gemar menggunakan lokasi antarabangsa seperti ini untuk menaikkan kredibiliti mereka.

8. **(d)** Sebelum melabur, buat penyelidikan terlebih dahulu. Pastikan anda faham apa yang anda beli. Baca laporan tahunan dan prospektus skim pelaburan tersebut, dan dapatkan bantuan remisier anda atau profesional kewangan berlesen bagi memahami sepenuhnya maklumat yang dizahirkan dalam dokumen tersebut. Hubungi Suruhanjaya Sekuriti untuk mengesahkan sama ada syarikat itu berlesen atau dibenarkan untuk menawarkan skim pelaburan itu.
9. **(d)** Sesebuah syarikat mungkin mempunyai nama yang rasmi bunyinya, dengan pejabat

yang berprestij dan terletak di lokasi utama, lengkap dengan laman sesawang yang kelihatan profesional, tetapi itu tidak bermakna syarikat itu sah. Sentiasa semak dahulu dengan Suruhanjaya Sekuriti.

10. **(c)** Jika anda berjumpa atau menjadi mangsa penipuan pelaburan, buat aduan kepada Suruhanjaya Sekuriti (Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan: 603-6204 8999).

Untuk belajar bagaimana mengenal pasti penipuan pelaburan, baca artikel tentang "Cara Mengenal Skim Penipuan" dalam Ringgit sebelum ini.

*Sumber : [www.min.com.my](http://www.min.com.my)*



# Perancangan Persaraan: Mitos Persaraan



Secara umumnya, jika ditanya kepada sesiapa sahaja mengenai kepentingan merancang untuk persaraan mereka sebahagian besar memberikan jawapan yang meyakinkan “Ya, ia adalah penting”. Namun begitu, kebanyakan orang tidak melihat betapa pentingnya melengkapkan diri dengan pelan persaraan yang betul.

Keengganan untuk merancang masa depan persaraan sering dipandang ringan tetapi realitinya anda akan melalui usia persaraan lebih awal daripada apa yang anda fikirkan. Pepatah bahawa “kita tidak merancang untuk gagal tetapi gagal untuk merancang” adalah satu peringatan yang baik untuk masa depan. Justeru, anda perlu merancang pelan persaraan dengan betul dan bertindak untuk mengatasi masalah persaraan sebelum terlambat.

Dalam usaha untuk memahami cara pemikiran rakyat Malaysia mengenai subjek persaraan dan mengapa mereka kurang kesedaran mengenai kepentingan masa depan kewangan mereka, Pentadbir Pencen Swasta (PPA), telah mengenal pasti sebab-sebab utama yang berdasarkan andaian bagaimana rakyat Malaysia merancang untuk bersara. Semoga dengan andaian ini, dapat memberi kesedaran kepada mereka untuk tidak berlengah-lengah mengambil tindakan segera untuk mendapatkan pelan persaraan mereka.

## 5 Mitos Persaraan

- **Mitos #1** – Ramai orang beranggapan bahawa simpanan KWSP adalah mencukupi untuk menggantikan pendapatan ketika bersara. Walau bagaimanapun, mereka perlu mengambil perhatian bahawa simpanan KWSP mereka mungkin tidak mencukupi. Statistik KWSP pada tahun 2011, menunjukkan bahawa 72% daripada penyimpan pada umur sebelum persaraan iaitu 54 tahun mempunyai simpanan berjumlah RM50,000 ke bawah. Dalam kajian KWSP yang lain, 50% daripada pesara menghabiskan seluruh simpanan mereka dalam masa tempoh 5 tahun.
- **Mitos #2** – Masih ramai yang membuat andaian bahawa anak-anak boleh menjaga mereka semasa hari tua. Bagaimanapun, disebabkan oleh kenaikan kos sara hidup kebanyakan anak-anak pada masa ini mengalami kesukaran untuk menyediakan keperluan keluarga sendiri dan kini dibebani dengan kos penyaraan untuk kedua-dua ibu bapa.
- **Mitos #3** – Berkaitan dengan masa. Sesetengah orang menyangka dirinya terlalu muda untuk memulakan simpanan untuk persaraan, sementara yang lain berfikir mereka telah



*“Kesimpulannya, walau apa jua isu-isu yang diutarakan, ia menunjukkan terdapat keperluan untuk membawa isu-isu persaraan ke peringkat peribadi. Individu perlu belajar untuk memberi tumpuan tentang perancangan untuk persaraan.”*

terlambat untuk memulakan simpanan kerana perlu menyimpan dengan kadar yang tinggi. Sebenarnya tidak ada masa yang sempurna untuk memulakan simpanan. Permulaan boleh dibuat pada bila-bila masa asalkan tindakan itu bermula sekarang. Lebih awal anda simpan, lebih banyak masa untuk pertumbuhan dana persaraan anda.

- **Mitos #4** – Bekerja selepas bersara. Memilih untuk bekerja selepas bersara adalah baik, tetapi biarlah keputusan itu adalah dasar pilihan dan bukan kerana keperluan untuk menangani kos sara hidup.
- **Mitos #5** – Kebanyakan orang beranggapan bahawa mereka boleh mengurangkan perbelanjaan mereka selepas bersara. Tetapi realitinya, tidak mudah untuk menyesuaikan diri bila sudah biasa dengan gaya hidup tertentu. Di samping itu, dengan meningkatnya inflasi dan kos perubatan, maka adalah penting bagi mereka merancang kewangan mencukupi untuk persaraan.

Dalam usaha untuk mencapai persaraan kewangan yang terjamin, cara pemikiran perlu berubah. Kajian menunjukkan bahawa ramai orang di seluruh dunia tidak merancang dengan secukupnya untuk persaraan disebabkan oleh kurangnya kesedaran tentang perancangan kewangan, dan yang menyedihkan lagi mereka juga tidak tahu tentang konsep-konsep asas kewangan. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai dana persaraan yang mencukupi apabila mencapai usia persaraan.

Kurangnya pengetahuan dalam kewangan mungkin membantutkan kemampuan seseorang untuk menyimpan dan melabur untuk persaraan pada usia tua. Pakar kewangan sering merujuk kepada kelemahan dalam membuat keputusan kewangan sebagai penyebab pesara terdedah kepada masalah kewangan dalam persaraan. Masalah ini menjadi lebih kritikal apabila pesara beralih daripada pencen yang diurus secara profesional ke arah perancangan kewangan buat sendiri. Mengikut statistik, lebih daripada separuh pesara di Malaysia akan membelanjakan keseluruhan simpanan KWSP dalam masa tempoh 5 tahun. Simpanan persaraan boleh berkurangan sekiranya anda menganggap simpanan persaraan sebagai durian runtuh dan tidak membuat pelaburan untuk mendapatkan pendapatan pasif.

Kesimpulannya, walau apa jua isu-isu yang diutarakan, ia menunjukkan terdapat keperluan untuk membawa isu-isu persaraan ke peringkat peribadi. Individu perlu belajar untuk memberi tumpuan tentang perancangan persaraan. PPA membantu individu untuk merancang persaraan mereka dengan memberi tumpuan perhatian pada tiga isu utama yang perlu ditangani sekarang. Kami akan berkongsi secara lebih mendalam tentang cara untuk anda merancang dan mengambil tindakan mulai sekarang ke arah mencapai persaraan kewangan bercagar yang terjamin dalam terbitan Ringgit akan datang.

*Artikel ditulis oleh Dato' Steve Ong, Ketua Pegawai Eksekutif, Pentadbir Pencen Swasta (PPA).*

*PPA mengalu-alukan soalan yang berkaitan dengan perancangan persaraan. Sebarang maklum balas sila e-mailkan kepada ask@ppa.my atau layari www.ppa.my untuk maklumat lanjut tentang soal perancangan persaraan.*



## Apa Yang Anda Perlu Tahu Mengenai Pajak Gadai?



Ramai pengguna beranggapan bahawa pajak gadai merupakan cara yang mudah, selesa dan cepat untuk mendapatkan wang. Ia memang betul jika anda dapat menebus balik barangan yang digadai. Namun begitu, anda perlu berhati-hati agar tidak ditipu oleh pekedai pajak gadai yang tidak jujur.

### Definisi:

#### a) Pemegang Pajak Gadai

Orang yang menjalankan perniagaan mengambil barang-barang sebagai pajak gadai digelar sebagai pemegang pajak gadai. Ini termasuklah orang yang menerima barang seseorang lain sebagai cagaran untuk pembayaran balik wang yang tidak lebih daripada RM5,000 yang telah didahulukan.

Sebagai contoh: A seorang yang mempunyai wang telah meminjamkan RM100 kepada B. Sebagai jaminan untuk pembayaran balik wang itu, B meninggalkan sebarang cincin emas kepada A. A di sini disifatkan sebagai seseorang yang menjalankan perniagaan mengambil barang pajak gadai. Begitu juga halnya dengan seseorang yang membeli atau menerima barang-barang dan meminjam kepada orang itu sejumlah wang tidak melebihi RM5,000 dengan satu perjanjian atau persetujuan bahawa barang itu boleh dibeli kembali atau ditebus berdasarkan syarat-syarat tertentu.

#### b) Pemajak Gadai

Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 mendefinisikan pemajak gadai sebagai seorang yang menyerahkan sesuatu barang untuk dipajak gadai kepada seseorang pemegang pajak gadai. Akta ini juga memperuntuk bahawa golongan-golongan tertentu tidak boleh menjadi pemajak gadai, seperti orang yang dalam keadaan mabuk dan golongan di bawah umur 16 tahun. Seorang kanak-kanak, misalnya tidak boleh diminta oleh ibu bapanya membawa barang tertentu untuk digadaikan. Sekatan yang dikenakan ke atas golongan ini adalah berasaskan prinsip am undang-undang bahawa orang ini tidak berkeupayaan untuk melibatkan diri dalam apa-apa transaksi undang-undang.

Berikut adalah panduan asas pengguna mengenai pajak gadai:-

1. Semak tarikh tamat tempoh gadaian. Anda tidak boleh menuntut barang selepas tamat tempoh gadaian, kecuali kedai pajak gadai bersetuju memanjangkan tempoh berkenaan.
2. Selepas tamat tempoh, semua barangan yang digadai yang nilainya kurang daripada RM200 akan menjadi kepunyaan kedai pajak gadai berkenaan dan bukan kepunyaan anda lagi. Walau bagaimanapun, pemajak gadai boleh memanjangkan tempoh pajakan dengan membayar faedah kepada kedai pajak gadai sehingga pemajak gadai mampu untuk menebus/menuntut semula barangan tersebut.
3. Semua barang yang tidak ditebus yang nilainya melebihi RM200 boleh dilelong oleh kedai pajak gadai. Anda berhak mendapatkan baki wang yang tinggal daripada jualan barang berkenaan selepas ditolak semua kos gadaian.
4. Pemegang pajak gadai perlu menghantar notis berdaftar kepada pemajak gadai mengenai tindakan untuk melelong barangan. Notis ini perlu diterima oleh pemajak gadai tujuh hari sebelum urusan pelelongan.
5. Pemajak gadai dinasihatkan untuk memberi alamat semasa apabila memajak barangan atau memaklumkan sebarang pertukaran alamat secara bertulis kepada pemegang pajak gadai. Ini adalah penting untuk memastikan notis-notis pemberitahuan pelelongan yang dihantar oleh pemegang pajak gadai sampai kepada pemajak gadai.
6. Kedai pajak gadai adalah bertanggungjawab atas kehilangan atau kemusnahan akibat kecurian atau kebakaran.
7. Sentiasa mendapatkan resit setiap kali anda membuat pembayaran.
8. Jika kedai pajak gadai mengenakan kadar faedah yang terlalu tinggi (lebih 2% sebulan) ke atas sesuatu pinjaman, anda boleh membawa perkara ini kepada pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
9. Jika anda kehilangan resit/ tiket gadaian, anda berhak mendapatkan salinannya secara percuma.
10. Jika anda merasa bahawa gadaian anda berkurangan nilainya atau jika kedai pajak gadai enggan menyerahkan gadaian anda, buatlah aduan kepada majistret. Majistret mempunyai kuasa untuk memerintah kedai pajak gadai untuk membayar ganti rugi yang munasabah.
11. Pastikan kedai pajak gadai yang anda berurusan mempunyai lesen yang sah.
12. Semak buku catatan kedai pajak gadai untuk memastikan bahawa kandungannya adalah sama dengan surat pajak gadai yang anda terima.

Sumber: [www.nccc.org.my](http://www.nccc.org.my)



### Caj Penyelenggaraan Kenderaan

*Saya bercadang ingin menghantar kereta ke bengkel untuk membuat penyelenggaraan sebelum pulang ke kampung bercuti bersama keluarga. Saya telah pergi ke beberapa buah bengkel untuk mendapatkan sebut harga bagi kos penyelenggaraan tersebut. Setiap bengkel memberikan kos-kos yang berbeza. Ada bengkel yang mencadangkan saya membaiki beberapa kerosakan yang terdapat pada kenderaan. Apakah tip dan nasihat tuan tentang perkara ini?*

*Terima kasih.*

#### Jawapan:

1. Jika kenderaan tersebut masih lagi dalam tempoh waranti, lebih baik jika penyelenggaraan dilakukan di pusat servis pengeluar kereta tersebut, dan bukan di bengkel biasa. Begitu juga, walaupun tempoh waranti telah tamat, penyelenggaraan masih boleh dilakukan di pusat servis asal. Ini disebabkan pusat servis tersebut mempunyai kepakaran khas berkenaan kenderaan yang mereka edarkan.
2. Lebih baik jika pandangan daripada beberapa bengkel kenderaan diperoleh bagi memastikan apakah jenis penyelenggaraan yang perlu dilakukan dan mengetahui sama ada terdapat kerosakan pada kenderaan. Perlu diingatkan bahawa setiap bengkel kereta mempunyai pengalaman, peralatan dan kepakaran yang tersendiri. Jadi, jika kebanyakan bengkel mengesyorkan jenis penyelenggaraan yang sama, maka wajar untuk pemilik membaiki kerosakan yang dimaklumkan kepadanya.
3. Berkenaan harga alat gantian dan kos servis pula, buat masa ini tidak ada undang-undang

yang menetapkan kos yang berkaitan dengan penyelenggaraan atau pembaikan kenderaan. Namun mengikut peraturan yang terkandung dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999, bengkel-bengkel dan pusat servis harus memaklumkan terlebih dahulu mengenai servis yang akan mereka lakukan, termasuklah kos sebarang alat gantian jika perlu. Pemilik kenderaan tidak boleh dipaksa untuk bersetuju dengan semua cadangan penyelenggaraan dan pembaikan yang dicadangkan oleh bengkel dan pusat servis.

4. Jika wang simpanan yang ada adalah terhad, pemilik kenderaan dinasihatkan supaya menyelenggara atau membaiki kerosakan yang boleh mengancam nyawa terlebih dahulu, seperti membaiki brek (jika terdapat kerosakan) berbanding perkara yang kurang serius. Jika terdapat kelebihan wang selepas bercuti, pemilik kenderaan boleh membaiki atau menyelenggara bahagian kenderaan yang tidak dilakukan sebelumnya.
5. Jangan lupa juga untuk menyimpan 'toolbox' di dalam kenderaan sepanjang waktu perjalanan untuk menangani masalah-masalah kecemasan yang tidak dapat dijangka.

#### Masalah Kewangan Anda

*Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada*  
**ringgit@crcc.org.my**  
*atau menulis kepada*




**Ruangan Masalah Kewangan Anda,  
Ringgit,  
No 4, Jalan SS 1/22A, Kampung Tunku  
47300 Petaling Jaya, Selangor**



# Salah Tafsir



AKPK



Adalah penting untuk memahami sesuatu dengan betul

## Bank Negara Malaysia

Talian Tol : 1-300-88-5465  
E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)  
Laman sesawang : [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

## Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)

Talian Tol : 1-300-88-9980  
E-mel : [banks@abm.org.my](mailto:banks@abm.org.my)  
Laman sesawang : [www.abm.org.my](http://www.abm.org.my)

## Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Talian Tol : 1-800-88-2575  
E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)  
Laman sesawang : [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)

## Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)

Talian am : 03-2272 2811  
E-mel : [enquiry@fmb.org.my](mailto:enquiry@fmb.org.my)  
Laman sesawang : [www.fmb.org.my](http://www.fmb.org.my)

Sebarang maklum  
balas sila e-melkan  
kepada  
[ringgit@crcc.org.my](mailto:ringgit@crcc.org.my)





**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA


Kad kredit anda telah dipalsukan...

Seseorang telah mencuri identiti anda...

Akaun anda telah disalah guna...

# Berwaspada!

Jangan menjadi mangsa **PENIPUAN**.



Berhati-hati dengan panggilan dan mesej palsu daripada mereka yang mendakwa sebagai pegawai Bank Negara Malaysia, bank swasta, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan.

Ini satu **PENIPUAN**. Jangan panik. Fikir dahulu.

1

Bank Negara Malaysia tidak pernah meminta maklumat peribadi atau maklumat kewangan anda.

2

Bank Negara Malaysia tidak pernah meminta sesiapa pun memindahkan wang ke dalam akaun pihak ketiga.

3

Bank Negara Malaysia tidak menyimpan wang orang ramai dalam mana-mana akaun.

**Jika ada keraguan,  
sila hubungi**

BNMTELELINK (Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan)

**1-300-88-5465**

Fax: 03-2174 1515 E-mail: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

Untuk mengetahui perincian atau aduan melalui BNM, sila

**1800 18000**  
Jumlah Bilangan 1800

dan hantarkan kepada 18000

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Akaun Pelanggan Bersejarah yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia



[www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

BNMTELELINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan) Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Lich B, Jalan Duta' Ciro, 50450) atau kunjungi mana-mana cabang BNMTELELINK di Bank Negara Malaysia, Jalan Besar, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Kelantan. Bilik-bilik mesin faks - Jarak, 1400000 - 14000000